

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. Ong Kian Ming
[Serdang]**

**TARIKH : 27 OKT 2014
(ISNIN)**

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah yang telah dan sedang dilakukan oleh Malaysia, dalam konteks ASEAN, untuk memberi tekanan kepada Indonesia untuk meratifikasi "ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat ASEAN, Malaysia merupakan negara anggota yang berperanan aktif dalam menerajui isu-isu pencegahan jerebu merentas sempadan melalui Mesyuarat "*Conference of the Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*" dan "*Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution*" yang diadakan secara berkala. Melalui kedua-dua forum tersebut, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah menggesa agar Kerajaan Indonesia menyegerakan proses ratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.

Hasil daripada gesaan tersebut, **Parlimen Indonesia pada 16 September 2014 telah bersetuju untuk meratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan**, setelah 12 tahun Perjanjian tersebut ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN iaitu pada tahun 2002 di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih